

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memiliki Kad Kredit PB Klasik Visa/PB Standard MasterCard. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat amnya.

Public Bank Berhad

Kad Kredit PB Klasik Visa/PB Standard MasterCard

Mac 2012

1. Apakah produk ini?

Ini adalah Kad Kredit PB Klasik Visa/PB Standard MasterCard, dengan kemudahan kredit diberi oleh Public Bank Berhad kepada Ahli Kad dan yang mana amaun kredit yang digunakan oleh Ahli Kad belum dilunaskan sepenuhnya pada atau sebelum satu tarikh yang ditetapkan, amaun yang belum dilunaskan itu adalah tertakluk kepada caj kewangan.

2. Apakah yang saya peroleh daripada kad ini?

(i) MegaBonus Tunai Bulanan Tanpa Had

MegaBonus Tunai Bulanan Tanpa Had yang diperolehi akan dikreditkan terus ke dalam Akaun Kad pada setiap bulan. Tiada kriteria kelayakan minimum, tiada had maksimum dan tiada sekatan bagi penggunaan MegaBonus Tunai.

Nota: Pembelian runcit tidak termasuk urus niaga di kasino dan stesen petrol, pendahuluan tunai, pindahan baki, urus niaga di kampus UTAR dan TARC, pembayaran berkaitan kerajaan, pembayaran kepada badan kebajikan, pembayaran menerusi www.pbebank.com dan ATM.

• PB Klasik Visa / PB Standard MasterCard

Setiap ringgit yang dibelanjakan dengan kad tersebut akan memperoleh rebat tunai sehingga 0.6% seperti berikut :

Jumlah Pembelian Runcit Bulanan (RM)	Tingkat MegaBonus Tunai (%)
	PB Klasik Visa/ PB Standard MasterCard
Sehingga 3,000	0.3
Sehingga 10,000	0.5
Melebihi 10,000	0.6

(ii) Insurans Perjalanan Automatik

PERCUMA Insurans Perjalanan Automatik sehingga RM350,000 apabila atur cara perjalanan penuh dicajkan kepada Kad anda. Anda juga boleh membuat tuntutan atas kesulitan yang dialami akibat Kelewatan Bagasi, Kehilangan Bagasi, Penerbangan yang Tertunda, Terlepas Penerbangan Sambungan, Pembatalan Perjalanan dan perbelanjaan Penghantaran Pulang.

Jenis Kad	Perlindungan Insurans Perjalanan Automatik (RM)
PB Klasik Visa / PB Standard MasterCard	Sehingga RM350,000 setahun

(iii) Kad Tambahan

Anda boleh memohon Kad Tambahan untuk memberi ganjaran dan kemudahan Keahlian Kad Visa/MasterCard anda kepada orang yang tersayang.

(iv) Had Kredit

PB Klasik Visa / PB Standard MasterCard

Minimum
RM2,000

Sekiranya Ahli Kad memiliki satu atau lebih kad dengan Bank, satu jumlah Kemudahan Kredit Bergabung akan diberikan bagi meliputi penggunaan semua kad yang dipegang oleh Ahli Kad Utama dan Ahli Kad Tambahan, jika ada. Jika anda mahu, Kad Tambahan boleh dipilih dengan Kemudahan Kredit yang berasingan dengan minimum sebanyak RM1,000. Pemberian Had Kredit sementara kecemasan adalah bergantung kepada keadaan dan rekod pembayaran.

Nota: Bagi Ahli Kad yang berpendapatan sebanyak RM36,000 setahun atau kurang, had kredit maksimum yang diberikan adalah dua kali ganda pendapatan bulanan Ahli Kad tersebut.

(v) Caj Kewangan (Tarikh kuatkuasa : 1 April 2012)

Caj Kewangan	Pembelian Runcit*	15% setahun	Dengan pembayaran segera bagi 12 bulan berturut-turut
		17% setahun	Membuat 10/11 kali pembayaran segera dalam tempoh 12 bulan lalu
		18% setahun	Membuat 9 atau kurang pembayaran segera dalam tempoh 12 bulan lalu
	Pendahuluan Tunai	18% setahun	Pendahuluan Tunai Caj Kewangan
	Pindahan Baki	Kadar Pindahan Baki adalah berdasarkan promosi yang sedang berlangsung. Caj kewangan bertingkat sebanyak 15% hingga 18% setahun akan dikenakan ke atas jumlah lampau tempoh atau tertunggak tidak dibayar sepenuhnya.	

*Nota: *Untuk menikmati caj kewangan yang lebih rendah bagi pembelian runcit, anda perlu membuat sekurang-kurangnya 10 pembayaran segera dalam tempoh 12 bulan lalu. Caj kewangan bertingkat hanya diterima pakai bagi baki tertunggak berikutan daripada pembelian runcit.*

(vi) Perkhidmatan PBeBank.com dan PB Perbankan Bergerak

Dapatkan perkhidmatan perbankan pada mana-mana hari sepanjang tahun dari mana pun anda berada di seluruh dunia.

3. Apakah tanggungjawab saya?

(i) Pembayaran Balik Minimum Setiap Bulan

5% dari baki tertunggak atau minimum sebanyak RM50

(ii) Tempoh Bebas Faedah Dari Pembelian Runcit

Tempoh bebas faedah selama 20 hari bagi semua pembelian runcit, dengan syarat semua baki tertunggak dari bulan berikutnya, berdasarkan penyata bulanan, dilunaskan sepenuhnya dalam tempoh perlu bayar. Bagi yang tiada Tempoh Bebas Faedah, caj kewangan mengikut kadar bertingkat setiap bulan yang diterima pakai akan dikenakan bagi semua pembelian runcit dari tarikh pembelian runcit dibuat.

Nota: Pembelian runcit tidak termasuk pendahuluan tunai, pindahan baki dan pelan-pelan kredit yang lain.

(iii) Sebagai pemegang kad keutamaan, anda bertanggungjawab untuk semua transaksi yang dilakukan oleh pemegang kad tambahan.

4. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

(i) Fi Tahunan

Percuma Seumur Hidup (Kad Utama & Tambahan) - Pengecualian fi tahunan tahun pertama & tahun-tahun berikutnya adalah berdasarkan minimum 12 kali kad dilakukan dalam 12 bulan sebelumnya. Tertakluk kepada 1 pembelian runcit yang dibuat dalam sebulan.

Jenis Kad	Utama	Tambahan
PB Klasik Visa / PB Standard MasterCard	RM75	RM45

(ii) Cukai Perkhidmatan

Berkuat kuasa 1 Januari 2010, cukai perkhidmatan akan dikenakan ke atas kad kredit seperti berikut:

- A) RM50 setahun bagi Kad Utama; dan
- B) RM25 setahun bagi setiap Kad Tambahan

Cukai perkhidmatan akan dikutip pada tarikh kad dikeluarkan, apabila genap satu tahun atau pada tarikh pembaharuan kad. Ini bermakna bahawa cukai perkhidmatan yang tersebut di atas hendaklah dikenakan atas kad kredit baru yang dikeluarkan berkuat kuasa 1 Januari 2010. Bagi kad kredit sedia ada yang dikeluarkan sebelum 1 Januari 2010, cukai perkhidmatan akan dikenakan pada genap setahun kad dikeluarkan.

(iii) Fi Pendahuluan Tunai

- ✓ Cawangan-cawangan Public Bank/ATM: 5.0%
- ✓ Bank yang bergabung dan Institusi Kewangan Sedunia: 5.0%

Fi pendahuluan tunai sekali bayar bagi pendahuluan tunai akan dicaj atas amaun pendahuluan tunai atau minimum sebanyak RM20. SELAIN ITU, caj kewangan akan dikira atas setiap pendahuluan tunai yang dikira dari tarikh pendahuluan tunai tersebut dikeluarkan sehingga tarikh ia dilunaskan sepenuhnya.

(iv) Fi Melebihi Had

Tidak diterima pakai

(v) Fi Pertukaran bagi Urus Niaga Di Luar Negeri

Urus niaga yang dibuat dalam mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia menggunakan Dolar AS sebagai mata wang asas pada tarikh ia diterima dan/atau diproses pada kadar pertukaran seperti yang mungkin ditentukan oleh Visa Worldwide/MasterCard Worldwide mengikut budi bicara mutlakanya. Selain itu, anda juga perlu membayar kos pentadbiran sebanyak 1.25% daripada amaun Ringgit Malaysia yang ditukar itu bagi pertukaran urus niaga yang dibuat dalam mata wang asing. Pertukaran mungkin berbeza dari tarikh kuat kuasa pada tarikh urus niaga disebabkan naik-turun pasaran. Kadar yang dikenakan seperti itu adalah terakhir dan muktamad dan Ahli kad hendaklah menanggung semua risiko pertukaran, kerugian, komisen dan caj-caj bank lain yang mungkin terpaksa dibayar.

(vi) Fi Mendapatkan Semula Rekod Jualan

RM15-00 bagi setiap permohonan

(vii) Fi Permohonan Penyata Tambahan

RM5-00 bagi setiap permohonan

(viii) Fi Penggantian Kad Yang Hilang atau Dicuri

Kad pertama : RM50-00

Kad kedua : RM100-00

Kad ketiga : RM150-00

5. Bagaimanakah sekiranya saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

(i) Fi Pembayaran Lewat (Tarikh kuatkuasa : 1 April 2012)

Kegagalan untuk membuat Pembayaran Minimum pada Tarikh Perlu Dibayar, caj minimum sebanyak RM10 atau 1% dari jumlah baki tertunggak pada tarikh penyata akan dikenakan sekali lagi, mana yang lebih tinggi, dihadkan pada maksimum sebanyak RM100, hendaklah didebitkan ke dalam Akaun Kad.

(ii) Hak Untuk Menolak Selesai

Public Bank Berhad mempunyai hak untuk menolak selesai apa-apa baki kredit dalam akaun anda yang dikendalikan dengan Public Bank dengan apa-apa baki tertunggak dalam akaun kad kredit anda.

(iii) Liabiliti Bagi Urus Niaga Tanpa Kebenaran

Sekiranya kad hilang/dicuri, liabiliti maksimum anda bagi urus niaga tanpa kebenaran adalah terhad kepada RM250-00, dengan syarat pemegang kad tidak terlibat dalam penipuan atau tidak gagal untuk memaklumkan kepada kami mengenai kehilangan atau kecurian kad kredit anda dalam tempoh masa yang sewajarnya. Sekiranya siasatan menunjukkan bahawa anda terlibat dalam menyebabkan apa-apa caj yang tidak dibenarkan, anda akan dipertanggungjawabkan bagi semua caj yang tidak dibenarkan itu, termasuk caj kewangan, sama ada sebelum atau selepas Bank menerima pengesahan tersebut. Adalah dipersetujui dengan nyata bahawa bukan menjadi tanggungjawab Bank untuk memastikan Baki Semasa tidak melebihi jumlah yang ditetapkan oleh Bank.

Nota: Sekiranya anda gagal mematuhi terma dan syarat kad kredit ini, kami berhak untuk menamatkan kad anda.

(iv) Anda perlu memberikan kepada kami semua maklumat yang berkaitan berkenaan dengan pembiayaan yang diambil daripada semua institusi kewangan, koperasi, syarikat pembinaan, syarikat kredit dan pedagang yang menyediakan jualan kredit dsbnya dan memberikan sepenuhnya dan dengan tepat maklumat penting yang mempunyai kaitan dengan keputusan pembiayaan kami. Kegagalan oleh anda untuk memberikan maklumat yang penting dan betul dalam permohonan pembiayaan tersebut serta pemberian maklumat yang tidak lengkap atau tidak betul mungkin menyebabkan permohonan pembiayaan anda ditolak.

6. Bolehkah saya menyelesaikan keseluruhan baki sebelum tempoh ia perlu dibayar? (Bagi pelan pindahan baki atau pembayaran fleksi)

(i) Tempoh Penguncian

Tempoh penguncian sehingga 24 bulan bergantung kepada jenis pelan pindahan baki atau pembayaran fleksi kerana pelan yang berlainan mempunyai tempoh penguncian yang berbeza.

(ii) Fi Penyelesaian Awal

RM100-00

7. Apakah risiko-risiko utama?

Anda perlu memaklumkan kepada Public Bank dengan serta-merta selepas menyedari bahawa kad kredit anda telah hilang atau dicuri. Bagi kad yang dicuri atau hilang, hubungi 03-2176 8555.

Dengan membuat pembayaran balik minimum setiap bulan, amaun faedah dan masa yang diambil untuk menyelesaikan keseluruhan amaun akan meningkat. Pertimbangkanlah keupayaan pembayaran balik anda apabila mencaj kad kredit anda. Caj kewangan yang dikenakan atas baki tertunggak bagi kad kredit ini adalah berdasarkan struktur penetapan harga bertingkat mengikut rekod pembayaran anda sebelum ini. Anda mungkin membayar lebih jika anda menggunakan kad kredit untuk membuat pembayaran balik bagi pembiayaan lain.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada Public Bank secara bertulis sekiranya terdapat perubahan dalam butir-butir untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Anda boleh menghubungi Public Bank di :

Perkhidmatan Kad PB
Public Bank Berhad
146 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Malaysia.
Tel : 603-2176 8000
Faks : 603-2163 9400
E-mel : custsvc@publicbank.com.my

9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan tebus rugi?

Sekiranya anda mempunyai masalah untuk membayar baki kad kredit anda, hubungilah Public Bank secepat mungkin untuk berbincang mengenai pilihan lain bagi pembayaran balik.

Selain itu, anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberi perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 8, Maju Junction Mall
1001, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Tel : 1-800-22-2575
E-mel : enquiry@akpk.org.my

Sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila hubungi Public Bank di:

Perkhidmatan Kad PB
Public Bank Berhad
146 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Malaysia.
Tel : 603-2176 8000
Faks : 603-2163 9400
E-mel : custsvc@publicbank.com.my
Laman web : www.pbebank.com

Sekiranya pertanyaan atau aduan anda, tidak diselesaikan dengan memuaskan, sila hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 1-300-88-5465
Faks : 03-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai kad kredit, sila rujuk kepada risalah bankinginfo mengenai "Kad Kredit", yang boleh didapati di semua cawangan Public Bank dan laman web di www.bankinginfo.com.my.

11. Produk-produk kad kredit Public Bank lain yang disediakan

- Kad Kredit PB Visa Infinite
- Kad Kredit PB Platinum Visa/MasterCard
- Kad Kredit PB Emas Visa/MasterCard
- Kad Kredit PB Eksekutif MasterCard
- Kad Kredit PB-ING MasterCard PayPass
- Kad Kredit Emas PB-Esso Mobil Visa
- Kad Kredit Visa Platinum PB-Mutual Gold

MAKLUMAN PENTING : TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN BALIK BAGI BAKI KAD KREDIT ANDA.

Maklumat yang disediakan di dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada Mac 2012.